

**PAS dakwa calon BN punca 2,000 penduduk hilang mata pencarian
Malaysian Insider
July 16 , 2013
OLEH THE MALAYSIAN INSIDER**

PAS hari ini menyelar calon lawan dalam siri kempen pilihan raya kecil (PRK) bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut dan kali ini ia terus kepada calon Barisan Nasional (BN), Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman.

Calon BN itu didakwa bertanggungjawab menyebabkan 400 keluarga petani yang mempunyai kira-kira 2,000 penduduk hilang mata pencarian mereka apabila Empangan Lowvier Pengkalan Nangka dibiarkan tidak berfungsi sejak dua tahun lalu.

Akibatnya, kira-kira 1,000 ekar tanah padi di kawasan ini terbiar sejak dua tahun lalu dan kering kontang kerana tidak ada air.

"Saya anggap orang yang paling bertanggungjawab dalam isu ini adalah calon BN kerana sebagai jurutera JPS daerah, dialah yang sepatutnya bertanggungjawab menyelesaikan masalah dengan membuat cadangan kepada kerajaan," kata Datuk Abu Bakar Chik dalam satu sidang medianya hari ini.

"Jadi kalau sebagai pegawai kerajaan beliau gagal, bagaimana rakyat kawasan ini mahu memberikan kepercayaan kepada beliau untuk menjadi wakil mereka," katanya.

Tanah padi ini membabitkan empat kampung di Kuala Besut ini iaitu Tok Saboh, Kampung Nangka, Kampung Baru dan Kampung Gong Manok.

Tengku Zaihan bertugas sebagai Jurutera JPS daerah Besut mulai 2008 hingga awal tahun 2013, apabila beliau ditukarkan ke Putrajaya.

Beliau dipilih sebagai calon BN dalam pilihan raya ini bagi melawan Azlan Yusof atau Che Long dari PAS.

"Bayangkan 2,000 keluarga hilang mata pencarian mereka akibat kegagalan untuk memperbaiki empangan ini sejak dua tahun lalu. Sudah tiga musim mereka tidak dapat menanam padi akibat sawah mereka yang kering kontang," katanya.

Menurut bekas Exco Pertanian ketika PAS memerintah Terengganu itu, dahulu, setiap ekar sawah boleh menghasilkan antara RM800 - RM1,000 semusim.

"Kehilangan RM3,000 sejak mereka tidak boleh menanam padi untuk keluarga petani adalah satu kehilangan besar," katanya.

Kerusi DUN Kuala Besut menjadi tumpuan ekoran kematian Dr A Rahman Mokhtar dan menjadi kerusi pertama berlaku PRK dalam tempoh kurang dua bulan selepas pilihan raya umum ke-13 (PRU 13).

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 24 Julai depan sebagai tarikh PRK DUN Kuala Besut.

Pulau Perhentian dengan populasi 2163 penduduk itu mempunyai 733 pengundi, berbanding keseluruhan 17,683 pengundi berdaftar di kerusi negeri berkenaan. - 16 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-dakwa-calon-bn-punca-2000-penduduk-hilang-mata-pencarian>